

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU - BN]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

SOALAN (NO. 33)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kejayaan National Football Development Programme (NFDP) semenjak ditubuhkan sehingga kini dan apakah peranan Kementerian bersama dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dalam memastikan mutu sukan bola sepak negara kembali meningkat di peringkat lebih tinggi.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak National Football Development Programme (NFDP) ditubuhkan, beberapa pencapaian telah pun dicapai khususnya melalui skuad utama program ini yang disasarkan untuk melayakkan diri ke Kejohanan Bolasepak Remaja Dunia FIFA B17 pada tahun 2019. Beberapa kejayaan telah dicipta ketika menyertai kejohanan dan perlawanan persahabatan bersama dengan kelab-kelab ternama Eropah seperti Bayern Munich, Liverpool, Atletico Madrid, Sporting Lisbon, FC Sevilla, Chelsea dan Tottenham Hotspur pada tahun lepas (2015).
2. Skuad ini merupakan penyandang juara Kejohanan berprestij di Eropah iaitu IberCup Costa Del Sol, Sepanyol. Ramai pemain skuad perintis ini telah mendapat perhatian daripada kelab-kelab ternama dunia.
3. Sehingga kini juga, seramai 20,000 orang pelatih telah menjalani latihan di 123 pusat-pusat kecemerlangan NFDP di seluruh negara. Pelatih-pelatih ini merupakan kumpulan yang akan mewakili negara di kejohanan-kejohanan utama lain seperti Kejohanan AFC B16 tahun (2018) dan Kejohanan Piala Dunia FIFA B20 tahun (2021).

SULIT

4. Pihak NFDP sentiasa bekerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) kerana pihak FAM jugalah yang akan menentukan penyertaan skuad bola sepak ini selaku badan yang bertanggungjawab ke atas sukan bola sepak di negara kita.

Sekian, terima kasih

SOALAN (34)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2016
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

SOALAN :-

Y.B. Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-

- (a) bagaimanakah pihak Kementerian mengawal harga kenaikan kos seunit rumah di Malaysia seperti di Kuala Lumpur, Melaka dan sebagainya; dan
- (b) apakah langkah yang perlu diaplikasikan untuk menyelesaikan masalah ini bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri mempunyai kuasa mutlak untuk menetapkan harga rumah di pasaran di negeri masing-masing. Keputusan Kerajaan Negeri untuk menetapkan kadar harga rumah dipengaruhi oleh faktor tanah yang berkait rapat dengan lokasi dan juga premium tanah yang melibatkan caj premium tukar syarat tanah. Selain kos tanah tersebut, terdapat juga lain-lain kos yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang juga mempengaruhi harga rumah. Sebagai contoh, semua PBT mengenakan caj pembangunan atau *development charges* dan caj pematuhan atau *compliance charges*. Contohnya di negeri Selangor, sebarang pembangunan yang melebihi 5 ekar, pihak pemaju perlu membina 30% Rumah Mampu Milik atau Rumah Selangorku. Oleh yang demikian, pihak pemaju akan meningkatkan harga jualan bagi rumah harga bebas untuk menampung kos penyediaan rumah mampu milik atau Selangorku tersebut.

Oleh yang demikian, pihak pemaju akan meningkatkan harga jualan bagi rumah harga bebas untuk menampung kos penyediaan rumah mampu milik atau Rumah Selangorku tersebut. Sedangkan, Kerajaan Negeri Selangor tidak mengeluarkan apa-apa sumbangan kewangan untuk pembangunan tersebut tetapi sekadar menentukan dasar sahaja. Faktor ini disebut sebagai *cross subsidy*. Faktor lain yang mempengaruhi harga rumah adalah kos yang perlu ditanggung oleh pemaju seperti kos buruh dan kos bahan binaan. Kos buruh merupakan salah satu faktor mempengaruhi peningkatan kos perumahan yang semakin tinggi sekiranya pembangunan projek tersebut menggunakan kaedah konvensional yang memerlukan tenaga buruh yang ramai. Begitu juga dengan faktor bahan binaan, setiap tahun kos binaan naik 10%.

Dalam memastikan kestabilan harga dan penambah rumah, permintaan dan juga penawaran ini seimbang, maka Kerajaan telah pun mengumumkan untuk melaksanakan dasar 'Satu Juta Rumah Mampu Milik' menjelang tahun 2018. Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan tidak hanya bergantung kepada pihak swasta semata-mata sebaliknya Kerajaan telah menubuhkan beberapa buah agensi untuk mencapai matlamat satu juta

rumah mampu milik melalui PR1MA, PPA1M, SPNB melalui KPKT, kerajaan negeri dan juga agensi-agensi yang lain. Dalam masa yang sama, untuk meringankan beban kewangan pembeli rumah pertama, Kerajaan turut memperkenalkan insentif pembayaran deposit rumah melalui dua skim iaitu Skim Perumahan Mampu Milik (MyHome) dan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit). Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kerajaan juga telah mengumumkan akan membina lebih banyak rumah mampu milik melalui *government-linked company* (GLC) dengan menggunakan tanah-tanah Kerajaan Persekutuan yang dikenal pasti. Dalam masa yang sama, mengenai masalah yang dinyatakan tadi, masalah tanah dan development charges dan compliance charges, perkara-perkara ini Kementerian akan bawa dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara yang akan datang untuk diselaraskan di seluruh negeri dan Kementerian berharap akan dapat kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016